

Tokoh muda jamin masa depan Umno

Oleh Kamal Ahmad dan Izman Ismail

BH3-NOV 1995

KUALA LUMPUR, Selasa — Dr Mahathir Mohamad berkata penyertaan golongan muda dalam barisan kepimpinan tertinggi Umno adalah proses biasa dalam menentukan masa depan parti.

“Mesyuarat perwakilan dalam Perhimpunan Agung Umno tahun ini tidak ada yang istimewa jika ia dikaitkan dengan peralihan bagi jawatan tertentu pucuk pimpinan parti kepada golongan muda.

“Ia adalah sama pentingnya dengan pemilihan Umno yang lain (sebelum ini) bagi memastikan masa depan parti. Saya fikir tidak ada yang istimewa mengenai pemilihan Umno tahun ini. Ia adalah satu proses normal demokrasi dalam parti,” kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno selepas perjumpaan tertutup dengan pemimpin di peringkat bahagian di ibu pejabat Umno di sini, hari ini.

Mengenai pemilihan Umno tahun ini sebagai era peralihan pucuk pimpinan parti kepada golongan muda, Dr Mahathir berkata:

“Malah saya juga adalah generasi peralihan yang mewakili Umno go-

longan muda suatu ketika dulu. Masa terus berlalu dan golongan muda akan mengambil alih. Maksudnya tidak ada pemimpin yang berkuasa selama-lamanya.”

Calon-calon yang bertanding jawatan Naib Presiden parti ialah Datuk Seri Najib Tun Razak, 40, Tan Sri Muhyiddin Yasin, 46, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, 48, Datuk Abdullah Badawi, 54, dan Datuk Seri Sanusi Junid, 50.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menasihatkan pemimpin Umno yang bertanding jawatan tertinggi parti itu menerima keputusan perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno bermula esok.

Beliau berkata, seseorang pemimpin yang berniat betul dan ikhlas sepatutnya menerima keputusan perwakilan dengan hati terbuka sekalipun mereka ditakdirkan kalah.

Dr Mahathir berharap pemimpin yang kalah tidak berniat memusnahkan parti, sebaliknya terus menaburkan bakti demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

“Sebagai orang yang tidak bertanding dan nam-

paknya akan dilantik semula sebagai Presiden, saya berdoa dan menasihatkan pemimpin yang bertanding jangan kecewa jika tidak dipilih.

“Ini bukan sahaja khusus bagi pemimpin di peringkat Pusat malah di kalangan bahagian atau jawatan parti lain yang dipertandingkan sebelum ini.

“Mereka boleh terus bergiat sebagai aktivis parti sepertimana yang dilakukan oleh beberapa tokoh veteran hari ini,” katanya

Esok, persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno akan membuka tirai Perhimpunan Agung Umno walaupun ada kelainan kerana tidak dirasmikan oleh Timbalan Presiden parti seperti lazimnya.

Mengenai tempoh beliau mahu menerajui Umno, Perdana Menteri berkata, beliau akan berkhidmat selagi boleh berkhidmat dan sehingga khidmatnya masih diperlukan oleh parti.

Mengulas kempen di kalangan pemimpin yang akan bertanding, Perdana Menteri berkata, beliau

LIHAT MUKA 2

Tokoh muda kukuhkan Umno

113 NOV 1993

DARI MUKA 1

kecewa jika laporan yang mendakwa pihak tertentu menggunakan wang adalah benar.

"Saya tidak boleh mengesahkan sama ada laporan itu benar atau tidak. Bagaimanapun setakat ini, nampak aktif dan berrangkali ada yang tidak diingini," katanya.

Ketika diminta menjelaskan contoh perkara yang tidak diingini itu, beliau berkata: "Ada orang kata, ada yang guna wang yang banyak malah ada orang culik orang. Betul atau tak betul, saya tak tahu."

Selain itu, Ketika ditanya kedudukan Ghafar Baba, Perdana Menteri berkata, Ghafar kini adalah ahli Umno biasa.

"Saya masih belum dapat jumpa dia, tetapi difahamkan dia masih menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan," katanya.

Ditanya sama ada Umno bercadang memberi sebarang gelaran atau jawatan kepada Ghafar, beliau berkata: "Setakat ini, belum ada. Kita tidak ada apa-apa rancangan".